

**PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN :  
SATU KAJIAN KES PENGLIBATAN KOMUNITI  
DI LEMBAH BUJANG, KEDAH**

**TENGGU ATIKAH BINTI ENGGU FAUZI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN :  
SATU KAJIAN KES PENGLIBATAN KOMUNITI  
DI LEMBAH BUJANG, KEDAH**

**OLEH**

**TENGGU ATIKAH BINTI ENGGU FAUZI**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan  
Bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Mac 2015**

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi dengan segala limpah dan izinNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat penyelia, Profesor Madya Dr. Nor Hafizah Bt. Hj. Selamat di atas segala bimbingan, nasihat, tunjuk ajar yang diberikan dalam membantu saya menyiapkan tesis ini hingga ke titik akhir. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Dr. Nor Malina Bt. Malek di atas kerjasama dan sokongan dalam menyempurnakan tesis ini dengan baik.

Tidak dilupakan, ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang sudi berkongsi idea, pengalaman, suka dan duka sepanjang tempoh pembelajaran sebagai penyelidik di USM ini. Penghargaan juga ditujukan kepada penduduk Kampung Sungai Batu Besi yang sudi meluangkan masa menjadi sasaran penyelidikan di Lembah Bujang.

Akhir sekali, menjunjung kasih buat semua ahli keluargaku, terutama suami tercinta En. Aizat Bin Ahmad dan anakanda-anakanda tersayang Putera Muhammad Aisy Atiff dan Putera Muhammad Aidil Atha yang tidak putus memberi sokongan dan dorongan, berkorban jiwa dan raga demi kejayaan mama di sini. Buat ibundaku tersayang, Pn. Zunaidah Bt. Abd.Ghani dan Allahyarham ayahanda yang dikasihi, Engku Fauzi Bin Engku Ibrahim, diri kalian menjadi sumber inspirasi, pembakar semangat dalam menggapai kejayaan ini dan terimalah hadiah ini untuk kalian semua. Segala jasa dan budi baik kalian semua, hanya Allah S.W.T yang mampu membalasnya. Amin.

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv

## **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Organisasi Tesis	10
1.9 Kesimpulan	11

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	12
2.2 Antropologi dan Ekopelancongan	12
2.3 Pemuliharaan Ekopelancongan dan Pembangunan Komuniti	15
2.4 Penglibatan Komuniti, Aktiviti Pemuliharaan Ekopelancongan dan NGO	17
2.5 Kajian Lepas mengenai Penglibatan Komuniti dan Ekopelancongan	22
2.6 Aktiviti Pemuliharaan, Ekopelancongan dan Kemiskinan	26
2.7 Definisi Konsep Utama	32
2.7.1 Penglibatsamaan Komuniti	32
2.7.2 Ekopelancongan	32
2.7.3 Pemuliharaan	33
2.7.4 Kemiskinan	33
2.8 Kerangka Konseptual	35
2.9 Kesimpulan	40

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	41
3.2 Lokasi Kawasan Kajian	41
3.2.1 Hutan Simpan Paya Bakau Merbok (HSPBM)	46
3.3 Reka Bentuk Kajian	49
3.4 Sampel Kajian	51

3.5 Kaedah Pengumpulan Data	54
3.5.1 Data Primer	54
3.5.2 Data Sekunder	56
3.6 Kaedah Analisis Data	57
3.7 Prosedur Kajian	60
3.8 Kesimpulan	61

**BAB 4 POTENSI EKOPELANCONGAN HUTAN SIMPAN PAYA BAKAU  
MERBOK KEPADA PELANCONG, EKOLOGI ALAM SEMULA  
JADI DAN KOMUNITI SETEMPAT**

4.1 Pengenalan	62
4.2 Potensi Produk Ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok	62
4.3 Potensi Ekopelancongan HSPBM Kepada Pelancong	63
4.3.1 Daya Tarikan Flora dan Fauna	63
4.3.2 Kawasan Rekreasi dan Aktiviti Beriadah	68
4.3.3 Kawasan Pendidikan Alam Sekitar	71
4.3.4 Kawasan Penyelidikan Sains R&D Bakau	74
4.4 Potensi Ekopelancongan HSPBM Kepada Ekologi Alam Semula Jadi	76
4.4.1 Mengekalkan Habitat Flora dan Fauna	76
4.4.2 Memastikan Kemandirian Hidup Spesies Flora dan Fauna	80
4.4.3 Melindungi Kawasan Pinggir Laut	81
4.5 Potensi Ekopelancongan HSPBM Kepada Komuniti	82
4.5.1 Menjana Sumber Pendapatan Komuniti	82
4.5.2 Sumber Makanan dan Perubatan	92

4.5.3 Peningkatan Taraf Infrastruktur dan Kemudahan Awam	94
4.5.4 Menyediakan Bahan Binaan dan Bahan Api	96
4.5.5 Sumber Bantuan Kewangan Komuniti Miskin	97
4.6 Sumbangan dan Potensi Produk Ekopelancongan HSPBM	100
4.7 Kesimpulan	105

## **BAB 5 PERANAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM AKTIVITI PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN**

5.1 Pengenalan	106
5.2 Peranan dan Penglibatan Komuniti Kampung Sungai Batu Besi	106
5.2.1 Penglibatan Komuniti Sebagai Pekerja	107
5.2.2 Penglibatan Komuniti Sebagai Pengusaha	115
5.3 “Kehidupan Komuniti Miskin Terbela”	132
5.4 Kesimpulan	136

## **BAB 6 PROJEK PENYEMAIAN ANAK BENIH BAKAU MELALUI PROGRAM PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN HUTAN SIMPAN PAYA BAKAU MERBOK**

6.1 Pengenalan	138
6.2 Projek Penyemaian Anak Benih Bakau Untuk Komuniti Miskin	138
6.3 Keberkesanan dan Pencapaian Projek Penyemaian Anak Benih Bakau	142
6.4 Perubahan Sosio Ekonomi Penduduk Melalui Projek Penyemaian Anak Benih Bakau	151
6.5 “Projek Penyemaian Anak Benih Bakau Berjaya Atasi Kemiskinan Penduduk Setempat”	154
6.6 Kesimpulan	156

## **BAB 7 RUMUSAN DAN CADANGAN**

7.1 Pengenalan	158
7.2 Sumbangan Kegiatan Pemuliharaan Ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok	158
7.3 Masalah dan Kekangan Pembangunan Ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok	160
7.4 Cadangan Pemuliharaan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok untuk Kajian Masa Hadapan	161
7.5 Kesimpulan	164

<b>BIBLIOGRAFI</b>	166 – 171
--------------------	-----------

LAMPIRAN 1- PROFIL RESPONDEN

LAMPIRAN 2 - SOALAN TEMUBUAL



## SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 1 : Produk pelancongan yang berpotensi di Lembah Bujang	44
Jadual 2 : Statistik Kemiskinan Negeri Kedah (Mengikut Mukim)	45
Jadual 3 : Proses penanaman bakau dan program silvikultur	48
Jadual 4 : Bilangan responden yang terlibat mengikut pekerjaan sampingan yang dilakukan	52
Jadual 5 : Potensi produk HSPBM kepada pelancong, ekologi alam semula jadi dan komuniti setempat	102
Jadual 6 : Penglibatan komuniti dalam aktiviti pemuliharaan ekopelancongan	133
Jadual 7 : Jumlah pendapatan para peserta (pendapatan sebelum, pendapatan setahun, pendapatan purata sebulan, pendapatan selepas) dan peratus peningkatan pendapatan	152
Jadual 8 : Manfaat daripada aktiviti pemuliharaan bakau kepada komuniti dan alam sekitar	153
Jadual 9 : Masalah yang berlaku di kawasan ekopelancongan HSPBM	161

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1 : Kerangka Konseptual	35
Rajah 2 : Carta Aliran Prosedur Kajian	60

## SENARAI GAMBAR

<b>GAMBAR</b>	<b>HALAMAN</b>
Gambar 1 : Pemandangan di HSPBM dan spesies burung bangau	65
Gambar 2 : Aktiviti Berkayak oleh para pelajar di Sungai Merbok	71
Gambar 3 : Aktiviti penanaman anak benih bakau oleh para pelajar	73
Gambar 4 : Pemandangan Galeri Bakau di Jeti Semeling	74
Gambar 5 : Pusat Penyelidikan dan Motivasi Bakau, USM	76
Gambar 6 : Speseies bakau yang hidup di kawasan hutan bakau Merbok	80
Gambar 7 : Rumah lama yang diubahsuai oleh Kelab NGO	95
Gambar 8 : Tapak Semaian anak benih bakau di Kampung Sungai Batu Besi	112
Gambar 9 : Aktiviti penanaman anak benih bakau di Sungai Merbok	115
Gambar 10 : Hasil Kraftangan yang dihasilkan	119
Gambar 11 : Bot Pelancong yang digunakan untuk mengangkut pelancong	121
Gambar 12 : Sesi menyediakan juadah makanan	123
Gambar 13 : Projek penyemaian anak benih bakau di Kampung Sungai Batu Besi	142
Gambar 14 : Proses Penanaman anak benih bakau oleh para peserta penyemai bakau di Sungai Merbok	150

## **SENARAI PETA**

### **PETA**

### **HALAMAN**

Peta 1 : Peta Kawasan Lembah Bujang, Kedah

43

## SENARAI SINGKATAN

HSPBM	Hutan Simpan Paya Bakau Merbok
Kelab Puncak	Kelab Puncak Pendidikan dan Kebajikan
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
WWF	World Wildlife Federation

## **PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN : SATU KAJIAN KES PENGLIBATAN KOMUNITI DI LEMBAH BUJANG, KEDAH**

### **ABSTRAK**

Ekopelancongan merupakan satu produk pelancongan yang berteraskan kekayaan alam semula jadi yang semakin berkembang pesat di dunia. Destinasi ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok yang terletak di Lembah Bujang, Kedah mempunyai banyak keistimewaan dan memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat di sekitarnya. Aspek pemuliharaan dalam ekopelancongan bakau perlu ditekankan untuk memastikan keaslian hutan paya bakau sentiasa dijaga di samping mengekalkan kemandirian spesies di dalamnya. Kajian ini melihat potensi-potensi produk ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok yang memberi pelbagai manfaat kepada pengunjung, komuniti setempat mahupun ekologi alam semula jadi. Bagi mencapai matlamat pemuliharaan dan ekopelancongan, peranan dan penglibatan komuniti tempatan di Kampung Sungai Batu Besi, Lembah Bujang dalam aktiviti pemuliharaan kawasan ekopelancongan ini dikaji. Kajian ini juga melihat bagaimana aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan bakau yang diuruskan oleh satu NGO tempatan (Kelab Puncak Pendidikan dan Kebajikan) dapat membantu keluarga miskin di kampung berkenaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan tahap sosio ekonomi komuniti tempatan. Data kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dan analisis data dibuat selepas menemubual secara mendalam 20 orang penduduk Kampung Sungai Batu Besi, Lembah Bujang. Penyelidik menggunakan kaedah “Analisis Kandungan” bagi menganalisis maklumat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati produk ekopelancongan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok sebagai destinasi pilihan pelancong banyak memberi faedah positif kepada komuniti setempat, pelancong dan

ekologi alam semula jadi di kawasan berkenaan. Bagi penglibatan aktif penduduk setempat dalam kegiatan pemuliharaan ekopelancongan, mereka telah dapat meningkatkan sumber pendapatan dan menjana ekonomi keluarga masing-masing. Akhir sekali, aktiviti pemuliharaan bakau yang dijalankan oleh sekelompok keluarga miskin di kampung berkenaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan keluarga masing-masing.

*Kata Kunci: Pemuliharaan, Ekopelancongan, Kemiskinan, Penglibatsamaan Komuniti*

## **CONSERVATION OF ECOTOURISM : A CASE STUDY ON COMMUNITY INVOLVEMENT IN LEMBAH BUJANG, KEDAH**

### **ABSTRACT**

Ecotourism is a tourism product that is based on the richness of the natural environment. It is one of the fastest growing tourism products in the world. Merbok Mangrove Forest Reserve in Lembah Bujang, Kedah, has great potentials as an ecotourism destination that can be beneficial to residents living around the area. At the same time, mangrove conservation should be emphasized to ensure that the authenticity of mangrove forests can be protected and the survival of the species can be maintained. This study examined the potentials of ecotourism products in Merbok Mangrove Forest Reserve to provide a variety of benefits to visitors, local community and the natural environment itself. In order to achieve the goals of conservation and ecotourism, the role and participation of the local community in Kampung Sungai Batu Besi, Lembah Bujang in conservation through ecotourism activities were examined in this study. Furthermore, this study also looked at how eco-conservation programs managed by Puncak Educational and Welfare Club, which is a non-governmental organization (NGO), to help poor families in the surrounding area reduce poverty and increase socio-economic status of the local community. The data used in this study is qualitative in nature and data analysis was made after in-depth interviews were carried out with 20 respondents of Kampung Sungai Batu Besi. The method of content analysis was used to analyze in-depth interviews data. The study found that ecotourism products at Merbok Mangrove Forest Reserve as camping destination created many positive benefits to the local community, tourists and natural ecology. As a result of their active involvement in conservation activities, members of the local community have been able to generate



incomes for their families. Finally, mangrove conservation practiced by a group of poor families in the village has been proved to be successful method in reducing their poverty.

Keywords: conservation, ecotourism, poverty, community engagement

# **BAB 1 PENGENALAN**

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Ekopelancongan merupakan satu produk alam semula jadi yang sangat penting pada masa kini. Pembangunan ekopelancongan merupakan satu fenomena baru dalam industri pelancongan yang semakin berkembang di seluruh dunia semenjak tahun 1970. Di Malaysia, industri ekopelancongan mula diperkenalkan dan dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Industri ekopelancongan yang diperkenalkan ini bertujuan memasarkan keindahan alam semula jadi, kebudayaan dan warisan sejarah serta usaha dalam mempelbagaikan asas pelancongan bagi mengurangkan pergantungan ke atas rangkaian produk di Malaysia dan pasaran pelancongan yang terhad (Malaysia, 1996).

Penekanan dalam konsep pembangunan pelancongan mampan mula diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) kerana pembangunan dan pengurusan pelancongan yang kurang efektif serta tidak mengikut peraturan-peraturan yang betul telah menyebabkan kemusnahan habitat dan landskap, penghapusan sumber-sumber semula jadi serta menyebabkan pencemaran alam sekitar (Denman, 2001). Ekopelancongan adalah merujuk kepada satu bentuk aktiviti pelancongan yang menggalakkan pelancong untuk mengunjungi kawasan alam semula jadi yang tidak tercemar, menggalakkan mereka untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan, mempunyai impak pelancong yang rendah dan memberi peluang penjanaaan ekonomi kepada penduduk tempatan (Hiong, 2007).

Untuk pengekaln ekosistem alam semula jadi, konsep ekopelancongan menekankan aspek pemuliharaan sebagai salah satu objektif khusus dalam polisi pembangunan

ekopelancongan melalui penggunaan istilah 'kelestarian'. Menurut Kalsom (2006), pemuliharaan merupakan pendekatan pembangunan sumber sedia ada sama ada sumber semula jadi atau sumber budaya yang dapat terus dinikmati oleh generasi kini dan yang akan datang.

Menyedari pentingnya pemuliharaan dalam ekopelancongan, beberapa buah negeri di Malaysia termasuk Kedah mula memberi perhatian kepada pembangunan aktiviti ekopelancongan. Seperti negeri-negeri lain di Malaysia, Kedah mempunyai banyak destinasi pelancongan berasaskan sumber alam semula jadi seperti pulau, pantai, tasik, gunung, air terjun, taman hidupan liar, gua, taman rekreasi dan hutan simpan. Konsep ekopelancongan berasaskan kepada prinsip pemuliharaan alam semula jadi di negeri Kedah ini dapat ditonjolkan melalui produk ekopelancongan seperti Gunung Jerai, Tasik Pedu dan Ulu Muda di mana kehijauan hutan dan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan tropika serta kehidupan kampung menjadi daya tarikan (Mohamad Sukeri et. al, 2002).

Memandangkan Kedah mempunyai peratus kemiskinan yang tinggi serta saiz pendapatan dan tingkat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita lebih rendah berbanding negeri-negeri lain di utara (Fatimah, 2009), membangunkan industri ekopelancongan dianggap sebagai salah satu strategi untuk memastikan komuniti penduduk Kedah dapat menjana pendapatan melalui penglibatan mereka dalam aktiviti ekopelancongan. Mengikut statistik kemiskinan negeri Kedah Darul Aman, Mukim Bujang merupakan mukim yang mempunyai insiden keluarga miskin yang keempat tertinggi daripada 16 mukim iaitu sebanyak 67 buah keluarga miskin dan 116 buah keluarga miskin tegar. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kategori ini adalah sebanyak 183 buah keluarga daripada kesemua mukim iaitu 2056 buah keluarga di negeri Kedah (Sistem e-SINAR, 2012). Dengan kerjasama badan bukan

kerajaan (NGO) dalam aktiviti pemuliharaan ekopelancongan, komuniti setempat dijangka berpeluang memperbaiki tahap kemiskinan mereka melalui penglibatan mereka dalam aktiviti ekopelancongan yang direncanakan oleh pihak kerajaan negeri.

Melihat kepada kepentingan dan manfaat yang diperolehi daripada kegiatan ekopelancongan, penglibatan aktif komuniti setempat dalam aktiviti ekopelancongan amat digalakkan. Aspek pemuliharaan amat penting bagi memastikan keaslian sesuatu produk alam semula dapat dipelihara di samping dapat menyumbang faedah dan manfaat kepada komuniti di sekitarnya. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa tahap penglibatan yang aktif dalam aktiviti pemuliharaan dan ekopelancongan dapat membantu golongan miskin untuk memperbaiki tahap sosio ekonomi kehidupan mereka (Barkin, 2003; Conway, 2009).

Kajian ini akan melihat peranan dan penglibatan komuniti setempat iaitu masyarakat Kampung Sungai Batu Besi di Lembah Bujang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam mengekalkan dan memulihara kawasan ekopelancongan disekitar kawasan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok (HSPBM), Lembah Bujang, Kedah. Kawasan HSPBM ini merupakan salah satu kawasan hutan bakau yang tertua di dunia dan terkenal kerana wujudnya paya bakau yang luas di sepanjang Sungai Merbok. Hutan simpan ini mempunyai kepelbagaian spesies tertinggi di dunia iaitu lebih 30 spesies bakau dijumpai di kawasan ini dan telah dicadangkan untuk dipelihara sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia (Jabatan Perhutanan Kedah, 2010). Oleh itu, kajian ini juga akan melihat potensi-potensi produk ekopelancongan HSPBM yang menjadi tarikan pelancong domestik dan juga pelancong luar negara.

Kajian ini juga akan melihat bagaimana program pemuliharaan ekopelancongan yang diuruskan oleh badan bukan kerajaan (NGO tempatan) iaitu Kelab Puncak Pendidikan dan Kebajikan (Kelab Puncak), Kampung Sungai Batu Besi boleh membantu keluarga miskin dalam meningkatkan sumber pendapatan dan meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Ekopelancongan telah mula mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, swasta mahupun badan-badan NGO. Menyedari akan potensi alam semula jadi dan perkembangannya dalam aktiviti ekopelancongan, banyak kajian telah dijalankan mengenai kegiatan ekopelancongan. Namun, bidang kajian penyelidikan ini berfokus kepada skop penyelidikan masing-masing seperti kajian ekopelancongan komuniti orang asli (Kamaruddin, 2008), ekopelancongan tapak arkeologi (Asyaari, 2009) dan ekopelancongan tanah tinggi (Hiong, 2007).

Meskipun telah terdapat kajian mengenai ekopelancongan alam semula jadi terutama di Hutan Simpan Paya Bakau Merbok seperti kajian Mohammad Rusdi (2003) yang berfokus kepada potensi persekitaran landskap paya bakau, namun kajian tersebut tidak berfokus kepada aspek penglibatan penduduk setempat. Komuniti Kampung Sungai Batu Besi yang majoritinya adalah penduduk miskin turut terlibat sama dalam aktiviti pemuliharaan kawasan ekopelancongan di Lembah Bujang. Penglibatan komuniti setempat dalam projek pemuliharaan ekopelancongan merupakan salah satu pendekatan yang baik untuk membantu penjana ekonomi penduduk terutamanya penduduk di negeri Kedah yang masih mempunyai peratus kemiskinan yang tinggi

serta saiz pendapatan dan tingkat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita lebih rendah berbanding negeri-negeri lain di utara (Fatimah, 2009).

Namun, isu utama yang menjadi persoalan sekarang adalah sama ada aktiviti ekopelancongan benar-benar memberi ruang kepada komuniti setempat untuk terlibat sama dalam menguruskan aktiviti ekopelancongan di kawasan mereka?. Adakah penglibatan komuniti setempat benar-benar dapat meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka dan seterusnya dapat mengurangkan tahap kemiskinan mereka?. Walaupun ada beberapa komuniti telah menunjukkan kejayaan pada peringkat permulaan dalam pembangunan dan pengurusan aktiviti ekopelancongan di kawasan mereka, namun, kejayaan yang berterusan masih belum dapat dipastikan lagi. Kurangnya peluang untuk komuniti setempat untuk terlibat sepenuhnya dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan di sesuatu kawasan menyebabkan peluang untuk mengurangkan tahap kemiskinan mereka adalah minimal.

Justeru itu, isu utama sama ada ekopelancongan HSPBM menyumbang kepada pengurangan tahap kemiskinan komuniti setempat dan memberikan agihan pendapatan yang seimbang kepada komuniti di Kampung Sungai Batu Besi sememangnya memerlukan kajian yang terperinci. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting dijalankan bagi melihat sejauhmana peranan dan penglibatan komuniti setempat terutama penduduk kampung yang miskin dalam aktiviti pemuliharaan ekopelancongan dapat mengurangkan kadar kemiskinan mereka melalui bantuan saluran-saluran tertentu.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah produk dan potensi-potensi ekopelancongan di Hutan Simpan Paya Bakau Merbok, Lembah Bujang, Kedah?
- ii. Apakah peranan dan penglibatan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan produk ekopelancongan di kawasan Lembah Bujang?
- iii. Sejauh manakah program pemuliharaan ekopelancongan yang dijalankan berperanan dalam mengurangkan kadar kemiskinan komuniti di Lembah Bujang, Kedah?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini ialah:

- i. Untuk mengenal pasti produk dan potensi-potensi ekopelancongan di Hutan Simpan Paya Bakau Merbok, Lembah Bujang.
- ii. Untuk mendokumentasi peranan dan penglibatan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan produk ekopelancongan di Lembah Bujang.
- iii. Untuk menganalisis program pemuliharaan ekopelancongan dalam mengurangkan kadar kemiskinan komuniti di Lembah Bujang, Kedah.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini akan mengkaji mengenai penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan yang dijalankan dalam kegiatan ekopelancongan di kawasan Lembah Bujang, Kedah. Skop penyelidikan ini menumpukan kepada potensi produk ekopelancongan iaitu sumber alam semula jadi Hutan Simpan Paya Bakau Merbok yang menjadi daya tarikan pelancong di kawasan ini. Dalam kajian ini, penyelidik akan cuba mendokumentasikan peranan dan penglibatan komuniti setempat iaitu masyarakat Kampung Sungai Batu Besi dalam membangunkan dan memulihara produk ekopelancongan di kawasan Hutan Simpan Paya Bakau Merbok. Selain itu, kajian ini juga akan mengupas peranan program pemuliharaan bakau yang diuruskan oleh NGO tempatan yang terdiri daripada penduduk kampung di Lembah Bujang, Kedah iaitu Kelab Puncak dalam mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat kampung di samping untuk memulihara kawasan persekitaran HSPBM di Lembah Bujang, Kedah.

Skop kajian ini hanya memilih lokasi di Kampung Sungai Batu Besi sahaja. Pemilihan lokasi ini berdasarkan kewujudan sekumpulan penduduk tempatan yang tergolong dalam keluarga miskin di Kampung Sungai Batu Besi dan bergantung hidup melalui sumber alam semula jadi di Sungai Merbok. Aktiviti pemuliharaan kawasan HSPBM yang dijalankan ini telah mempengaruhi penglibatan mereka dalam sektor ekopelancongan ini.



## 1.6 BATASAN KAJIAN

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, beberapa batasan dan masalah yang terpaksa ditempuhi oleh penyelidik. Batasan dan masalah yang dimaksudkan adalah dari segi kewangan, masa, kerjasama daripada pelbagai pihak, jarak tempat penyelidikan dan sebagainya. Dalam penggunaan teori juga, terdapat banyak teori-teori pelancongan yang boleh digunakan menyebabkan penyelidik sukar untuk membuat pemilihan yang tepat. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan ekopelancongan ini menggunakan model “penglibatsamaan komuniti” (*community engagement*) yang diperkenalkan oleh *Manitoba’s Department of Family Services and Housing*, (2008). Model ini digunakan dalam penyelidikan ini kerana ia lebih bersesuaian berbanding dengan model-model yang lain.

Selain itu, terdapat sebahagian komuniti di kawasan Kampung Sungai Batu Besi yang terlibat dalam aktiviti pemuliharaan ekopelancongan tidak memberi maklum balas yang dikehendaki semasa sesi temu bual dijalankan oleh penyelidik. Hal ini mungkin disebabkan beberapa soalan yang diajukan kepada responden berkenaan agak sensitif dan maklumat tersebut adalah rahsia baginya. Responden-responden berkenaan juga mungkin ketiadaan masa yang mencukupi untuk bekerjasama dalam menjawab beberapa soalan yang ditanya oleh penyelidik.

Penyelidik juga mempunyai masalah dan kesukaran untuk sampai ke lokasi kajian yang dijalankan. Hal ini disebabkan oleh kemudahan awam seperti jalan raya untuk memasuki ke kawasan perkampungan berkenaan tidak disediakan dengan baik. Kampung Sungai Batu Besi yang terletak di kawasan pedalaman dan agak terpencil ini memiliki jalan raya yang agak daif. Jalan raya yang tidak berturap dan berlubang-

lubang menyukarkan kenderaan penyelidik bergerak untuk menjalankan proses kajian dengan lancar.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini sangat bermakna dalam konteks peningkatan keilmuan, kefahaman dan pengetahuan dalam pemuliharaan dan isu persekitaran di kawasan HSPBM. Pembangunan ekopelancongan yang masih dianggap sebagai produk yang baru di Malaysia ini mampu meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai potensi-potensi ekopelancongan bakau serta keunikan dan keaslian produk alam semula jadi di kawasan HSPBM, Lembah Bujang yang mampu mempengaruhi aktiviti ekopelancongan di sesuatu tempat.

Melalui kajian ini juga, komuniti setempat selaku tuan rumah (*host*) dapat memahami dengan lebih jelas mengenai faedah dan kesan yang timbul dari segi sosioekonomi dan budaya melalui aktiviti-aktiviti pemuliharaan dan ekopelancongan hutan bakau yang dijalankan di kawasan mereka.

Hasil kajian dan kerangka konseptual yang dikemukakan oleh penyelidik dijangka dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pihak terutama kepada para pelajar, mahasiswa-mahasiswa, institusi-institusi pelancongan yang berkaitan dan para penyelidik dalam usaha merangka dan melaksanakan pembangunan ekopelancongan yang melibatkan penglibatan komuniti setempat dalam program pemuliharaan bakau pada masa akan datang.

## **1.8 ORGANISASI TESIS**

Bab 1 merupakan permulaan kajian yang membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, organisasi tesis dan kesimpulan. Bab 2 adalah bab sorotan karya yang menerangkan mengenai konsep antropologi dan ekopelancongan, pemuliharaan ekopelancongan dan pembangunan komuniti, penglibatan komuniti setempat dan pembasmian kemiskinan, serta kajian mengenai penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan. Selain itu, definisi konsep utama dan kerangka konseptual turut dibincangkan dalam bab ini. Bab 3 pula adalah bab metodologi kajian yang membincangkan mengenai lokasi dan kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini. Seterusnya, bab 4, 5 dan 6 adalah bab analisis kajian. Bab 4 mengupas mengenai potensi produk ekopelancongan di HSPBM kepada pelancong, ekologi alam semula jadi dan komuniti setempat. Bab 5 pula membincangkan mengenai peranan dan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan bakau yang dijalankan. Seterusnya, keberkesanan program pemuliharaan ekopelancongan bakau untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang dijalankan ke atas keluarga miskin dapat dilihat dalam bab 6. Bab 7 merupakan bab terakhir dalam penyelidikan ini yang merumuskan keseluruhan kajian serta mencadangkan langkah-langkah untuk memulihara alam sekitar di kawasan ekopelancongan HSPBM. Cadangan kajian pada masa hadapan turut dijelaskan dalam bab ini.

## **1.9 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, penyelidikan mengenai penglibatan komuniti setempat melalui aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan di kawasan HSPBM adalah sangat penting dijalankan pada masa kini. Sumbangan-sumbangan yang diperoleh melalui kegiatan pemuliharaan ekopelancongan bakau ini adalah wajar dikaji bagi melihat kadar pengurangan kadar kemiskinan penduduk tempatan di kawasan kajian. Usaha untuk meningkatkan penglibatan komuniti setempat terutama komuniti yang miskin dalam aktiviti ekopelancongan perlu diberi penekanan bagi membangunkan sesebuah komuniti. Seajar dengan kepesatan pembangunan ekopelancongan di Malaysia, kajian pemuliharaan dan pembangunan ekopelancongan serta sumbangannya sebagai salah satu punca pendapatan dan mata pencarian terutama kepada golongan miskin di kawasan sekitar adalah tepat dan wajar dijalankan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan secara terperinci kajian-kajian lepas mengenai antropologi dan ekopelancongan, pemuliharaan ekopelancongan dan pembangunan komuniti, penglibatan komuniti setempat dan pembasmian kemiskinan serta kajian mengenai penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan ekopelancongan. Kerangka konseptual kajian akan turut dibincangkan dalam bab ini. Tinjauan kajian lepas dibuat bertujuan untuk menyorot secara kritikal kajian-kajian lepas mengenai penglibatan komuniti setempat dan pembasmian kemiskinan serta status terkini kajian ini. Perbincangan juga akan memfokuskan kepada kelompangan kajian mengenai isu ini.

#### **2.2 ANTROPOLOGI DAN EKOPELANCONGAN**

Menurut Greenwood (1989), ekopelancongan merupakan bidang yang luas mengenai barangan, perkhidmatan dan juga masyarakat. Masyarakat setempat merupakan pemangkin kepada proses pembangunan ekonomi, perubahan sosial dan politik terutama terhadap pembangunan yang mampan serta pemuliharaan ekopelancongan. Beberapa dekad yang lepas, ekopelancongan telah mendapat reputasi positif dalam kalangan ahli sains sosial dan juga pihak-pihak pemuliharaan alam sekitar. 'ekopelancongan' juga sinonim dengan pelbagai istilah lain seperti 'pelancongan berasaskan komuniti', 'pelancongan budaya' dan juga 'pelancongan alternatif' (Stronza, 2001). Kebiasaannya, pelancongan alternatif didefinisikan sebagai bentuk pelancongan yang konsisten dengan alam semula jadi, sosial dan nilai komuniti dan

membenarkan kedua-duanya iaitu tuan rumah (*host*) dan pelancong (*guest*) untuk menikmati interaksi yang positif dan berfaedah dari pengalaman yang dikongsi bersama (Eadington dan Smith, 1992). Bentuk pelancongan ini telah mendapat perhatian pengkaji-pengkaji dalam menghubungkan aktiviti pemuliharaan dengan pembangunan (Stronza, 2000).

Di Amerika Syarikat, ekopelancongan telah dikenalpasti sebagai 'satu bentuk pelancongan yang diilhamkan menerusi sejarah semula jadi sesuatu kawasan termasuk budaya masyarakat tempatan (Ziffer, 1989). Ahli pemuliharaan berpendapat bahawa ekopelancongan boleh melindungi alam semula jadi di samping dapat memenuhi keperluan ekonomi penduduk tempatan (Barkin, 1996). Berbanding dengan aktiviti-aktiviti yang lain seperti pemburuan, pembalakan dan pertanian, ekopelancongan dilihat mempunyai impak yang rendah ke atas ekosistem (Groom et. al, 1991; Kusler, 1991) dan hasil daripada ekopelancongan boleh disalurkan kepada pemuliharaan untuk keperluan masyarakat tempatan.

Konsep ekopelancongan dikatakan boleh meningkatkan kerjasama komuniti setempat dengan agensi-agensi kerajaan, NGO, dan syarikat-syarikat pelancongan swasta bagi merancang strategi untuk membangunkan aktiviti pelancongan dan menghasilkan produk baru untuk pelancong. Hasilnya, tuan rumah (*guest*) boleh mempunyai lebih banyak kawalan ke atas aktiviti ekopelancongan (Stronza, 2001). Ekopelancongan dianggap sebagai pendekatan pelancongan yang baik kerana dilengkapi dengan garis panduan bagi memastikan projek ekopelancongan yang dilaksanakan itu berjaya (Ceballos-Lascurain, 1996; Miller dan Malek-Zadeh, 1996). Sebagai contoh, beberapa prinsip ekopelancongan yang dirumuskan oleh Eagles

(1996) yang bertujuan untuk membantu industri pelancongan mencapai matlamatnya perlu disokong oleh pihak pengusaha destinasi pelancongan, agensi pelancongan dan penduduk tempatan. Antara prinsip-prinsipnya adalah aktiviti ekopelancongan perlu membawa kepada pemuliharaan alam semula jadi dan dapat memberikan faedah kepada ekonomi komuniti setempat. Di samping itu, pengusaha ekopelancongan sama ada daripada sektor awam mahupun swasta, perlu mempunyai strategi persekitaran yang baik serta sejumlah kakitangan yang mahir. Selain itu, pembangunan ekonomi dan aktiviti pelancongan harus peka dengan kebudayaan dan sensitiviti pembangunan masyarakat setempat. Aspek utama yang ditekankan adalah aktiviti ekopelancongan perlu dilaksanakan bagi memberi keuntungan kepada penduduk tempatan sama ada dari segi sosial, ekonomi dan juga sistem ekologi. Akhir sekali, prinsip ekopelancongan dan perlindungan alam sekitar memerlukan pembangunan struktur pengurusan yang kukuh bagi menangani penerokaan berleluasa kawasan yang dianggap 'sensitif'.

Kajian-kajian antropologi mengenai aktiviti ekopelancongan sememangnya telah mengenal pasti manfaat dan kepentingannya. Antaranya, ekopelancongan berkeupayaan untuk menyumbang hasil pendapatan melalui aktiviti pemuliharaan dan pembangunan tempatan (Barkin, 1996). Penglibatan komuniti tempatan dianggap sebagai satu bentuk penyertaan yang penting untuk menghasilkan aktiviti ekopelancongan yang berjaya seperti menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan tempatan, kumpulan-kumpulan pemuliharaan dan syarikat-syarikat pelancongan (Eadington dan Smith, 1992). Dalam bidang ekopelancongan, pendekatan antropologi berperanan dalam mengisi jurang pengetahuan yang sedia

ada dan dalam pada yang sama memaksimumkan potensi yang memberi manfaat kepada komuniti serta meminimumkan impak yang negatif (Stronza, 2001).

### **2.3 PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

Kehilangan kepelbagaian biologi telah menjadi satu isu yang penting semenjak tahun 1970an dan hal ini semakin meningkat ditangani oleh ahli-ahli antropologi. Kepelbagaian biologi ditakrifkan dalam Konvensyen Kepelbagaian Biologi sebagai “kebolehan organisma hidup daripada segala sumber termasuk di daratan, lautan mahupun dalam ekosistem akuatik yang lain” (Orlove dan Brush, 1996). Kepelbagaian biologi dalam ekopelancongan ini terdiri daripada haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan (flora dan fauna). Kehilangan biologi adalah disebabkan oleh perubahan habitat, pertumbuhan penduduk yang pesat dan perubahan teknologi. Adanya nilai-nilai budaya dalam biodiversiti dan kepentingan sumber genetik dalam pertanian dan perubatan menyebabkan kepelbagaian biologi ini dipelihara.

Ahli antropologi telah banyak menyumbangkan kepada pemuliharaan ekopelancongan termasuk di kawasan ekosistem hutan, marin mahupun dalam pengurusan yang lain. Strategi dalam menguruskan kawasan perlindungan telah berubah daripada satu penekanan awal untuk mengekalkan spesies tunggal kepada perlindungan habitat dan pemuliharaan ekosistem yang memerlukan penglibatan penduduk tempatan. Ahli antropologi menunjukkan kepentingan penglibatan penduduk tempatan melalui program-program pemuliharaan yang diwujudkan di kawasan mereka bagi mencapai matlamat pemuliharaan dalam ekopelancongan. Walaupun sesetengah negara yang lain telah menubuhkan perlindungan hidupan liar



dan hutan-hutan simpan selama berabad-abad lamanya, perkembangan kawasan perlindungan secara besar-besaran telah berlaku dalam 25 tahun kebelakangan ini iaitu dalam persekitaran dengan populasi manusia yang telah lama bertapak di sesuatu kawasan. Kawasan-kawasan ini telah ditubuhkan untuk memelihara biodiversiti melalui perlindungan habitat bagi memelihara tumbuhan-tumbuhan dan haiwan-haiwan daripada terus pupus (Orlove dan Brush, 1996).

Beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat banyak ancaman kepada spesies-spesies penghuni hutan seperti yang dilihat pada pengurangan spesies-spesies burung zon beriklim kesan daripada pembukaan hutan. Dengan adanya peningkatan kesedaran yang tinggi untuk melindungi biodiversiti alam semula jadi, ia menjadi kunci utama dalam pergerakan persekitaran antarabangsa dan kebangsaan. Ukuran kejayaan pemuliharaan umumnya diambil dalam pencegahan kepupusan spesies-spesies flora dan fauna. Ahli konservans juga berusaha untuk mengekalkan diversiti genetik dalam spesies tertentu terutama perlindungan subspecies yang diperlukan untuk mengurangkan risiko kepupusan spesies (Orlove dan Brush, 1996).

Polisi pemuliharaan ekopelancongan merangkumi usaha dalam tiga peringkat. Peringkat pertama ialah menyekat atau menghalang pemburuan kepada spesies tertentu yang hampir pupus. Peringkat kedua ialah menumpukan kepada perlindungan habitat populasi yang diancam pupus dan seterusnya, peringkat yang ketiga ialah menguruskan ekosistem alam semula jadi berkenaan. Sebagai contoh, peringkat yang pertama akan melindungi spesies burung hantu yang diancam pupus manakala peringkat kedua akan melindungi hutan sebagai habitat bagi melihat burung hantu tersebut terus hidup, di samping dapat melindungi spesies-spesies lain

yang menghuni di hutan berkenaan. Peringkat terakhir akan menguruskan keseluruhan hutan berkenaan, sama ada padang rumput, tanah pertanian dan zon-zon lain. Peringkat pertama adalah berorientasikan secara langsung terhadap spesies, peringkat kedua menetapkan kawasan perlindungan sebagai kawasan simpanan dan peringkat ketiga menggubal sistem kawasan simpanan bagi menguruskan kawasan perlindungan. Dari segi ekologi, peringkat pertama berkaitan dengan ekologi populasi, peringkat kedua berkaitan dengan ekologi ekosistem manakala peringkat ketiga berkaitan dengan ekologi landskap (Orlove dan Brush, 1996).

Pemuliharaan hidupan liar menggabungkan bersama dengan pemeliharaan, iaitu meliputi semua usaha dan proses membaik pulih keadaan hidupan liar yang telah terganggu. Manakala pengurusan hidupan liar pula bermaksud menjaga, melindungi serta mengurusnya agar tidak terancam dan mengalami pengurangan spesies (Orlove dan Brush, 1996). Usaha dan proses-proses pemuliharaan dan pengurusan hidupan liar ini memerlukan pendekatan menyeluruh. Ia seharusnya diguna pakai oleh manusia selama-lamanya bagi menjamin hidupan liar dapat dikekalkan dalam habitatnya di hutan.

#### **2.4 PENGLIBATAN KOMUNITI, AKTIVITI PEMULIHARAAN EKOPELANCONGAN DAN NGO**

Menurut Tosun (2000), penglibatan komuniti dalam pembangunan ekopelancongan merujuk kepada tindakan secara sukarela seseorang individu untuk mengambil peluang dan memikul tanggungjawab untuk bekerjasama dengan mereka yang mampu memberi bantuan dalam perancangan, pengurusan dan tindakan yang memberi kesan kepada keadaan dan pembangunan ekopelancongan di kawasan

mereka. Dalam konteks pembangunan, penglibatan komuniti bermaksud bahawa keperluan dan aspirasi komuniti setempat turut diambil kira. Penduduk yang terlibat dijangka akan meraih pengajaran dan pengalaman serta diperkasakan dalam aktiviti pembangunan tersebut (Askew, 1989). Pemahaman mengenai penglibatan komuniti dalam aktiviti pembangunan boleh dibuat berasaskan kepada sekurang-kurangnya dua teori iaitu teori demokrasi dan teori pertukaran sosial. Asas teori demokrasi bermaksud bahawa setiap ahli komuniti mempunyai hak yang sama untuk menyuarakan isu yang memberi kesan ke atas mereka. Penglibatan mereka akan membolehkan proses demokrasi dapat dicapai. Penglibatan komuniti dalam aktiviti di kawasan mereka akan bertindak sebagai pemantau agar isu-isu yang menggugat demokrasi seperti nepotisme dan penyalahgunaan kuasa dapat dibanteras (Christenson dan Robinson, 1980).

Dalam proses pembangunan pelancongan, Timothy (1999) menerangkan penglibatan komuniti dapat dilihat daripada dua perspektif utama iaitu melalui proses membuat keputusan dan dalam bentuk faedah yang terhasil daripada pembangunan tersebut. Selain dua perspektif tadi, penglibatan komuniti pada peringkat pelaksanaan juga penting. Penglibatan ahli komuniti berupaya menjana peluang pekerjaan, meningkatkan sumber pendapatan, peningkatan kemudahan sosial, tersebarinya pengajaran tentang projek dan terlaksananya kawalan terhadap sumber manusia dan membolehkan perkongsian pengetahuan tentang kawasan setempat dan sumber yang terdapat di situ.

Penglibatan komuniti dalam kegiatan ekopelancongan dikatakan memberikan banyak peluang ekonomi kepada penduduk setempat antaranya ialah penciptaan peluang-

peluang pekerjaan, kehidupan yang lebih baik kesan daripada faedah ekonomi yang diterima, peluang menjalankan perniagaan dalam industri pelancongan seperti sewaan bot, perniagaan alat memancing seperti joran, jaring serta umpan kepada pemancing. Pada masa yang sama, penglibatan komuniti dapat mempertingkatkan hubungan sosio budaya antara komuniti dan juga pelancong (Chiedza et.al, 2013).

Menurut Getz (1983) penglibatan tidak hanya tertumpu kepada bentuk fizikal malah juga dalam bentuk sokongan moral. Hal ini disokong oleh Murphy (1985) terutamanya jika sumber asli menjadi komponen utama produk pelancongan dan keperluan asas kepada penduduk tempatan. Mitchell dan Reid (2001) turut menyokong idea ini dan menyatakan penglibatan penduduk tempatan secara fizikal dan moral akan menjamin kepuasan pengunjung dan seterusnya memberi faedah kepada alam sekitar dan juga destinasi. Tambahan lagi, penglibatan komuniti setempat dalam ekopelancongan dapat menambahkan hasil pendapatan dan membantu meringankan beban kemiskinan mereka.

Selain penglibatan komuniti setempat, kegiatan pembangunan ekopelancongan juga amat memerlukan sokongan dan juga kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah NGO tempatan. NGO (*Non-Government Organization*) merujuk kepada organisasi formal yang bukan bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan tetapi berperanan sebagai pengurus kepada sumber saluran pendapatan kepada masyarakat tempatan terutama golongan komuniti yang miskin (Badaruddin, 2008).

Inskeep (1991) menyatakan bahawa peranan badan-badan dan agensi-agensi pelancongan adalah penting dalam menggalakkan aktiviti ekopelancongan yang bersifat melindungi biosfera, mengurangkan atau mengelakkan pencemaran. Peranan mereka juga penting untuk melaksanakan aktiviti berbentuk “pemasaran hijau” (*green marketing*) dengan menggalakkan aktiviti pelancongan ‘ringan’ yang dapat mengurangkan kesan budaya dan alam sekitar secara efektif. Selain itu, badan-badan ini juga berperanan dalam menyediakan maklumat yang lengkap kepada pelancong dengan memaklumkan lokasi-lokasi yang sensitif di samping mengendalikan audit alam sekitar secara berterusan.

Menurut Denman (2001), meskipun NGO tidak terlibat secara langsung dalam pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan terpelihara, namun pengaruh dan bantuan mereka dalam bentuk kerjasama teknikal dalam program-program pemuliharaan ekopelancongan amatlah penting bagi memastikan pengurusan sesebuah kawasan terpelihara dengan berlandaskan prinsip-prinsip yang betul. Antara contoh kumpulan NGO yang memacu konsep pelancongan mampan adalah pertubuhan WWF (*World Wildlife Federation*) yang turut terlibat dalam kerjasama dengan WWF-Norway dan kerajaan Norway di Sabah. NGO ini telah membantu penduduk Kampung Batu Putih yang terletak di hilir Sungai Kinabatangan untuk membangunkan sebuah projek pelancongan komuniti lestari yang dikenali sebagai *Model Ecologically Sustainable Community Tourism Project (MESCOT)* (Denman, 2001). Projek ini bertujuan membantu penduduk kampung memperoleh pendapatan alternatif setelah kawasan tersebut mengalami kemusnahan habitat semula jadi yang serius akibat kegiatan pembalakan dan juga penerokaan tanah secara besar-besaran

untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Dalam projek ini, pihak WWF telah membantu masyarakat tempatan mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang boleh mereka ceburi dalam sektor pelancongan. Selain itu, penduduk turut dibantu memperoleh kemahiran-kemahiran asas seperti pemasaran produk, mempelajari bahasa Inggeris, menggunakan komputer dan sebagainya bagi membantu mereka menyertai sektor pelancongan.

Terdapat beberapa badan NGO yang bergiat cergas dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar di negara ini seperti Persatuan Pencinta Alam (MNS). Sebagai contoh, pada tahun 2004, MNS telah melibatkan diri dalam satu projek untuk melindungi karangan laut di Pulau Redang bersama-sama pengusaha resort di pulau tersebut, *World Fish Center*, *Coral Cay Conservation*, dan juga kumpulan penyelam-penyelam tempatan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesusnahan terhadap karangan laut di samping memberikan pendidikan berhubung hidupan laut (*The Star*, 2004).

Menurut Badaruddin (2008), pihak NGO seharusnya menawarkan maklumat dan memberikan pendidikan kepada umum mengenai prinsip-prinsip ekopelancongan yang menumpukan kepada dasar penggunaan sumber yang berterusan, prinsip pembangunan projek yang mesra alam. Beliau melihat bahawa peranan NGO penting untuk memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ekopelancongan termasuklah pengawasan kesan ekopelancongan terhadap budaya tempatan dan ekosistem persekitaran, penyertaan yang adil dalam pembangunan ekopelancongan, kesan terhadap sektor lain dalam ekonomi dan komitmen kerajaan terhadap pembangunan ekopelancongan (Badaruddin, 2008).

## **2.5 KAJIAN LEPAS MENGENAI PENGLIBATAN KOMUNITI DAN EKOPELANCONGAN**

Tanjung Piai dan Kukup di Johor merupakan produk ekopelancongan berasaskan kawasan paya bakau yang berjaya dibangunkan hasil daripada penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan kedua-dua tempat tersebut (Hamdan, 2009). Kesan daripada penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan ini bukan sahaja berjaya memulihara kawasan ekopelancongan paya bakau tersebut, malahan sumber pendapatan dan tahap sosio-ekonomi penduduk yang terlibat di kawasan tersebut turut meningkat. Tanjung Piai dan Kukup merupakan kawasan ekopelancongan di bawah program pemuliharaan paya bakau yang lebih menekankan kepada aspek penjagaan ekologi paya bakau.

Penglibatan yang cukup aktif daripada penduduk setempat dalam aktiviti pemuliharaan kawasan paya bakau turut dilaporkan di Pulau Banacon, Filipina yang melibatkan golongan petani dan nelayan (Yao, 1999). Mereka ini yang turut bergantung hidup pada sumber alam semula jadi hasil daripada hutan paya bakau turut terlibat dalam aktiviti penanaman pokok bakau bagi memelihara biodiversiti dan ekosistem flora dan fauna kawasan tersebut. Komuniti setempat ini turut dibantu oleh pihak NGO tempatan dan juga swasta melalui Projek Pengurusan Bersama Paya Bakau yang pertama diwujudkan yang memberikan mandat kepada komuniti setempat dan pihak NGO untuk membangunkan dan memberi perlindungan kepada sumber alam semula jadi di tersebut. Perjanjian kerjasama ini diuruskan oleh Projek Ekologi Kerajaan (Eco-Gov), sebuah projek yang dibantu oleh USAID pada tahun 2004 (Yao,1999).

Di Banacon pula, projek penghutan paya bakau yang berasaskan komuniti secara berskala besar turut dibantu oleh kerajaan dan juga NGO tempatan (Yao,1999). Kawasan Banacon merupakan salah satu daripada 11 pemegang CBFMA (Perjanjian Pengurusan Hutan Berasaskan Komuniti) di Bohol, Filipina. Kawasan ini adalah kawasan yang memaparkan nilai perlindungan ladang paya bakau yang berkesan dalam memelihara tambak Pangangan (Yao, 1999). Menurut Yao (1999), kesemua kegiatan pemuliharaan ekopelancongan ini mendatangkan kesan yang positif kepada masyarakat tempatan terutama dalam meningkatkan sumber pendapatan dan ekonomi mereka selain dapat memulihara kawasan paya bakau yang hampir pupus.

Kepentingan penglibatan komuniti dalam memelihara produk ekopelancongan seperti taman negara turut dikaji oleh Orlove dan Brush (1996) yang melibatkan Taman Negara Kakadu, Australia. Namun, yang menariknya kajian ini menjelaskan bagaimana beberapa kumpulan penduduk tempatan telah bergabung untuk menghadapi ancaman oleh pihak kerajaan yang melibatkan kepentingan perniagaan. Penduduk tempatan ini bergabung tenaga menguruskan pemuliharaan taman negara dengan membentuk polisi yang perlu dipatuhi oleh pelancong, memindahkan tanaman yang tidak dikehendaki dan memulihkan tanah lembap untuk menyokong hidupan liar yang telah semakin berkurangan. Antara aktiviti pemuliharaan yang dilakukan oleh penduduk tempatan ini adalah dengan memelihara spesies kerbau yang diancam kepupusan di kawasan mereka. Orlove dan Brush (1996) menegaskan bahawa faedah dan manfaat hasil kerjasama pengurusan penduduk setempat ini telah menarik perhatian pelbagai pihak terutamanya dalam strategi mereka untuk mengelakkan sebarang serangan ke atas taman negara tersebut.



Di Mexico, penglibatan aktif penduduk tempatan dalam kegiatan pemuliharaan spesies tumbuhan dan binatang liar di kawasan perlindungan Mapimi Biosphere telah membantu proses pemuliharaan dan pemeliharaan spesies kura-kura yang diancam kepupusan (Orlove dan Brush, 1996). Penduduk tempatan ini turut melakukan pemantauan dan turut dibantu oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan wakil kerajaan.

Kajian oleh Mowforth dan Munt (1998) di Costa Rica telah membuktikan bahawa hasil cetusan idea penduduk masyarakat Salvador telah berjaya membangunkan aktiviti ekopelancongan yang diurus dan dikawal selia oleh penduduk setempat. Pendapatan yang dijana melalui penawaran perkhidmatan dan produk yang disediakan telah memberi pelbagai faedah ekonomi kepada penduduk Salvador.

Namun tidak semua aktiviti ekopelancongan melibatkan penglibatan secara aktif penduduk setempat. Di sesetengah tempat, penduduk tempatan hanya berpeluang untuk bekerja sama ada secara bergaji atau membuat perniagaan kecil-kecilan hasil daripada pembangunan produk ekopelancongan di kawasan mereka. Contohnya, projek pembangunan pusat peranginan yang pertama di pulau Mabul iaitu Sipadan Mabul Resort (SMART) pada tahun 1992 dan pusat peranginan Sipadan Water Village dan Seaventures Dive Resort telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan (Kadir, 1997). Kebanyakan mereka menjadi pengawal keselamatan, pekerja am dan juga bekerja dalam bidang pengangkutan. Bagi yang berkebolehan berbahasa Inggeris, mereka bekerja sebagai pemandu pelancong dan pakar selam. Walaupun penduduk tempatan mengakui bahawa pendapatan daripada bidang pelancongan adalah lebih tinggi berbanding pekerjaan mereka sebelum ini